

Kiambang punca banjir kilat

Penduduk dakwa tumbuhan liar bertambah banyak selepas hujan lebat

Oleh Muhammad Hatim Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

MELAKA TENGAH: Lambakan kiambang yang semakin memenuhi permukaan Sungai Melaka membimbangkan penduduk setempat, terutama di Kampung Pantai Peringgiti berhampiran Melaka Sentral kerana dikatakan menjadi punca laluan air tersekat sehingga menyebabkan banjir kilat.

Mereka mendakwa tumbuhan air yang tumbuh meliar itu semakin banyak terutama apabila hujan lebat akibat dibawa arus dari arah Sungai Malim, sebelum tersekat di sungai berkenaan yang letaknya hanya kira-kira 20 meter di belakang kawasan Rumah Awam Pantai Peringgiti.

Penduduk, Saad Ismail, 45, berka-

ta kiambang liar itu semakin bertambah jumlahnya apabila pintu Empangan Batu Hapar dibuka sehingga menyebabkan beberapa longkang mengalirkan air dari kawasan perumahan di situ tersekat.

Beliau mendakwa, tumbuhan itu juga menjadi punca sampah-sarap kerap tersekat, sekali gus menyebabkan air tidak dapat mengalir terus ke sungai dengan lancar apabila hujan.

"Beberapa deret rumah penduduk di Rumah Awam Pantai Peringgiti ini terutama di bahagian belakang, pernah dimasuki air sehingga paras buku lali akibat longkang mengalirkan air ke sungai tersekat.

"Kawasan di sini agak rendah berbanding kawasan Melaka Sentral. Jadi, apabila masalah lambakan kiambang tidak ditangani,

tidak mustahil banjir kilat boleh berulang pada bila-bila masa terutama apabila hujan lebat.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri juga tidak lagi menjalankan kerja pembersihan tumbuhan liar ini yang semakin bertambah jumlahnya sejak awal tahun lalu," katanya.

Peniaga, Azmi Shah Makbol Shah, 37, berkata JPS sebelum ini membuat kerja pembersihan sungai berkenaan, namun sejak kebelakangan ini tiada tindakan diambil sehingga menyebabkan kiambang memenuhi longkang dan memerangkap sampah.

Katanya, pihak berkenaan sepatutnya membuat kerja pembersihan secara berskala dan berterusan tanpa menunggu seluruh permukaan sungai dipenuhi tumbuhan liar itu.

"Mereka perlu bertindak secara proaktif menangani masalah ini tanpa perlu menunggu berlaku banjir kilat. Longkang di belakang kawasan perumahan ini sebenarnya sudah tidak mampu mengalirkan air ke sungai kerana tersumbat.

"Saya juga khuatir masalah ini boleh menjadi punca peningkatan kes demam denggi akibat pembiakan nyamuk aedes apabila air bertakung lama di kawasan longkang berkenaan," katanya.

Tinjauan *Sentral* ke sungai berkenaan mendapati jaring perangkap kiambang juga didapati dipasang merentasi sungai bagi mengelak tumbuhan itu terus mengalir ke arah lain dan hanya terperangkap berhampiran kawasan Melaka Sentral sehingga menjejaskan penduduk setempat.



Apabila masalah lambakan kiambang tidak ditangani, tidak mustahil banjir kilat boleh berulang pada bila-bila masa terutama apabila hujan lebat ”

Saad Ismail
Penduduk



Mereka perlu bertindak secara proaktif menangani masalah ini tanpa perlu menunggu berlaku banjir kilat. Longkang di belakang kawasan perumahan ini sebenarnya sudah tidak mampu mengalirkan air ”

Azmi Shah Makbol Shah
Peniaga